



PARLIMEN MALAYSIA
KUALA LUMPUR

YPDR. 09/4/5 (5)

9hb. Disember 2019

KENYATAAN MEDIA OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Dimaklumkan bahawa saya selaku Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada hari ini telah menerima suatu surat bertarikh 9 Disember 2019 daripada Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) yang memaklumkan bahawa selaras dengan Perkara 54(1) Perlembagaan Persekutuan telah berlaku **kekosongan luar jangka bagi Bahagian Pilihan Raya Parliment P.176 Kimanis mulai 10 Disember 2019.**

Ini berikutan pihak SPR telah menerima **Perakuan Mahkamah Persekutuan** menurut Seksyen 36A(3)(a), Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 telah mengisyiharkan bahawa keputusan pilihan raya umum bagi **Bahagian Parliment P.176 Kimanis** yang disandang oleh **Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman** pada 9 Mei 2018 adalah tidak sah dan terbatal.

Sehubungan itu, pihak SPR akan mengadakan satu pilihan raya bagi mengisi kekosongan tersebut dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh kekosongan berkenaan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' MOHAMAD ARIFF BIN MD YUSOF